

11 NOV 2002

Mohamed-SPDP

PERMOHONAN SPDP SERTAI BN MESTI DISALURKAN KEPADA BN SARAWAK

SEREMBAN, 11 Nov (Bernama) -- Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) perlu menyalurkan permohonannya menyertai Barisan Nasional (BN) kepada BN Sarawak, kata Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat.

Beliau berkata ini kerana, parti itu adalah di Sarawak dan ia perlu memohon kepada BN negeri.

"Sebarang keputusan yang dibuat oleh BN Sarawak mengenai parti baru ini, BN Pusat akan menerimanya dengan baik. Keadaannya terserah kepada SPDP untuk memohon dan terserah pula kepada BN Sarawak untuk menimbangkan permohonan itu," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian kilang perabut HeveaPac RTA oleh Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik di Kawasan Perindustrian Sungai Gadut, dekat sini, hari ini.

Mohamed adalah pengarah HeveaBoard Sdn Bhd, iaitu syarikat subsidiari HeveaBoard Sdn Bhd di Gemas.

Mohamed diminta mengulas laporan akhbar mengenai satu kumpulan dalam Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) diketuai Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Sarawak, Datuk William Mawan anak Ikom, menubuhkan parti baru dikenali sebagai Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP). Pendaftaran parti itu diluluskan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) tiga hari lepas.

Datuk Amar James Wong, bekas presiden SNAP, belum membuat rayuan berhubung tindakan ROS membatalkan pendaftaran parti itu pada Selasa lepas.

Kumpulan yang dipimpinya itu sedang menimbang sama ada untuk merayu kepada Menteri Dalam Negeri atau merujuk keputusan pembatalan itu ke mahkamah.

Semasa mengumumkan pembatalan pendaftaran SNAP pada Selasa lepas, Pendaftar Pertubuhan Datuk Ismail Dolah Harun berkata tindakan itu diambil setelah parti itu gagal menyelesaikan krisis kepimpinannya.

Dalam perkara ini, Mohamed berkata BN Pusat akan menerima sebarang keputusan yang dibuat oleh BN Sarawak.

"Sesuai dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, kita hendak parti pembangkang juga masuk BN kerana yang mustahak sekarang ini kita hendak jaga masalah kedaulatan negara, keselamatan dan mengurangkan over politicking dalam negara yang boleh merugikan kita.

"Dari aspek itu BN bersedia menerima mana-mana parti yang memenuhi kehendak dan matlamat BN sendiri...Kalau dia (SPDP) berhasrat membantu ke arah menstabilkan, mengaman negara dan mengurangkan 'over politicking' yang boleh memecah-belahkan kita, saya fikir itu satu prinsip yang baik," katanya.

Ditanya sama ada BN akan menerima parti IPF, Kimma dan Punjabi sebagai parti komponen, beliau berkata semua parti itu mesti memohon.

"Semua parti itu sudah mohon tetapi kita tidak dapat consensus (persetujuan). Bukan kita tidak setuju, kita tidak dapat consensus dalam menimbangkan permohonan ketiga-tiga parti itu sebab dalam perlembagaan BN semua keputusan dibuat secara consensus...kalau ada satu kata ia tidak boleh maka tidak ada keputusan.

"Sudah tiga kali perkara ini dibawa dalam mesyuarat BN tapi kesemuanya tidak dapat consensus," katanya.

Katanya soal ketiga-tiga parti itu adalah satu isu tersendiri tetapi ia mesti diselesaikan supaya keadaan politik di Sarawak tetap stabil dan kukuh.

"Kita ada BN Pusat dan BN negeri...kalau ada benda nasional, BN Pusat

yang memutuskan manakala kalau ada masalah di negeri, maka BN negeri harus menimbang dan memutuskan...ada dua strata.

"Kalau di Sabah dan Sarawak kebanyakannya parti yang kewilayahan, kenegerian. Macam SNAP itu merupakan satu parti khusus untuk negeri Sarawak dan SPDP pun ditubuhkan sebagai satu parti di negeri Sarawak maka BN negeri patut menimbang dan memutuskannya," katanya.

Beliau yakin BN Sarawak dapat menyelesaikan perkara itu dan tidak akan timbul apa-apa masalah.

"Kedudukan di Malaysia dari segi politiknya bertambah kukuh, kedudukan BN juga bertambah kukuh, keyakinan rakyat kepada kerajaan pun bertambah kukuh walaupun kita telah menghadapi beberapa isu," katanya.

Sementara itu, Mohamed berkata isu Bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah tidak akan menggugat kedudukan BN dalam pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

RP NAK